

Soalan 21 hingga Soalan 28

Pilih perkataan yang sesuai untuk dimasukkan ke tempat kosong.

- 21 Orang ramai ..... oleh Menteri Kebajikan Masyarakat supaya menghulurkan bantuan kepada rumah-rumah amal.  
A dipujuk  
B dipaksa  
C diseru  
D diarah
- 22 Kehidupan petani di kawasan itu akan terus ..... jika kemarau masih berlanjutan.  
A tersekat  
B terkandas  
C terhimpit  
D terbantut
- 23 Perdana Menteri akan mengadakan lawatan ..... ke negara Jepun  
A singkat  
B sekejap  
C seketika  
D sebentar
- 24 Apabila mendengar penjelasan daripada gadis itu tuan hakim diam .....  
A. terpaku  
B. termenung  
C. terharu  
D. tercengang
25. Pak Tua tidak dapat meneruskan perjalanannya lalu ..... di atas anak tangga sebuah pondok di tepi hutan.  
A. bercangkung  
B. bertenggek  
C. bertinggung  
D. bertanjak
- 26 Adik Lina buyung yang berisi air lalu meletakkannya di bendul dapur.  
A. mengelek  
B. membibit  
C. menatang  
D. menjinjing
27. Keruntuhan moral di kalangan remaja pada masa ini amat sukar .....  
A. dibelenggu  
B. dibendung  
C. dikongkong  
D. disingkir
- 28 Walaupun telah berunding selama lima jam, mereka masih belum mendapat ..... bagi menyelesaikan masalah yang rumit itu.  
A jalan keluar  
B jalan belakang  
C jalan pintas  
D jalan tengah

Soalan 29 hingga Soalan 30

Pilih pendodoh bilangan yang sesuai.

- 29 Sebelum beredar dari rumah nenek, emak sempat menjamah ..... pulut dan memakan sirih.  
A seketul. . sekeping  
B segenggam.. sehelai  
C sepotong.....selembar  
D secubit.....sekapur

- 30 Semasa menziarahi Lina di hospital, kami membawa ..... biskut dan tiga ..... ayam goreng.
- A. setin buku
  - B. sekotak tompok
  - C. sekeping cucuk
  - D. sebungkus ketul

Soalan 31 hingga soalan 32.

Pilih soalan yang sesuai bagi jawapan yang diberi

- 31 Ketibaan Yang Berhormat Menteri Pendidikan disambut dengan paluan kompong dan bunga manggar oleh murid-murid.
- A Siapakah yang menyarnbut ketibaan Yang Berhormat Menteri Pendidikan?
  - B Bagaimanakah ketibaan Yang Berhormat Menteri Pendidikan disambut oleh murid-murid?
  - C Mengapakah ketibaan Yang Berhormat Menteri Pendidikan disambut oleh murid-murid?
  - D Dari manakah sambutan untuk Yang Berhormat Menteri Pendidikan dilakukan oleh murid-murid?
- 32 "Sekiranya hujan, Hari Ucapan dan Penyampaian Hadiah akan diadakan di dewan sekolah," kata Guru Besar itu.
- A Mengapakah Hari Ucapan dan Penyarnpaian Hadiah akan diadakan di dewan sekolah sewaktu hujan?
  - B Bagaimanakah Hari Ucapan dan Penyampaian Hadiah itu akan diadakan jika hujan?
  - C Bilakah Hari Ucapan dan Penyampaian Hadiah akan diadakan sekiranya hujan?
  - D Di manakah Hari Ucapan dan Penyarnpaian Hadiah akan diadakan jika hujan?

Soalan 33 hingga Soalan 36

Pilih kata ganda yang membawa maksud berulang dalam ayat yang diberi.

- 33 I Rumahnya terang-benderang pada malam itu kerana ada jamuan.  
II Kebanyakan kaum asli di negara ini masih hidup berpindah-randah.  
III Ahmad terlompat-lompat apabila di dipuji oleh abangnya.  
iv Kulit tangan pecah-pecah kerana mencangkul tanah sepanjang hari.
- A I dan II sahaja
  - B I dan IV sahaja
  - C II dan III sahaja
  - D II, iii dan IV sahaja
- 34 I Semasa berada di luar negeri, dia sentiasa terkenang-kenang akan keluarganya.  
ii Muda-mudi kelihatan mundar-mandir di pasar raya itu pada hard cuti am.  
III Ali menierit-jent meminta tolong apabila die dikejar anjing.  
IV Mereka berpeluk-pelukan apabila Bertemu semula setelah lame berpisah.
- A I dan III sahaja
  - B ii dan iv sahaja
  - C i, ii dan IV sahaja
  - D I, II, III dan IV
- 35 I Ketiga-tiga beradik itu bermain layang-layang pada setiap petang.  
II Ramai orang lalu-lalang di jambatan itu pada waktu pagi.  
III Suasana hingar-bingar di kota membingitkan telinga kami.  
IV Anak kecil itu menangis teresak-esak apabila disergah oleh kakakuya.
- A I dan II sahaja
  - B II dan IV sahaja
  - C I, II dan IV sahaja
  - D II, 111dan IV sahaja
- 36 I Saudara-mara Abidin melambai-lambai apabila pesawat yang dinaiki itu mula bergerak.  
II Kera-kera itu tergaru-garu apabila penjaganya member) makanan.  
iii Rumah-rumah di tepi pantai punah-ranah apabila dilanda angin kencang.  
IV Murid-murid tercengang-cengang sewaktu menyaksikan pertunjukan silap mate itu.

- I dan II sahaja
- II dan iii sahaja
- iii dan IV sahaja
- ii, iii dan IV sahaja

- I Suara azan sayup-sayup kedengaran di Subuh sunyi.
- II Feri Nuri Angkasa berulang-alik dari Pelabuhan Marang ke Pulau Kapas.
- III Kakak Salmah sedang sulam-menyulam dengan kakak Hidayah.
- IV Tukang kayu itu sedang mengetuk-ngetuk tiang ke dalam lubang.

- A 1, II dan IV sahaja
- B II, III dan IV sahaja
- C I, III dan IV sahaja
- D I, II dan III sahaja

- 37 I Abang Zin berdakap-dakapan dengan ayah setelah sekian lama tidak berjumpa.  
 II Mak Andan merenjis-renjis air mawar kepada pasangan mempelai itu.  
 II Makcik Halimah menghembus-hembus asap yang memedihkan mata anaknya.  
 IV Kereta dan lori itu berlanggar-langgaran sebelum terbalik dan jatuh ke dalam gaung

- A I dan II sahaja
- B II dan IV sahaja
- C I dan IV sahaja
- D II dan III sahaja

- 38 I Muka Amin bengkak-bengkil kerana terjatuh dari basikal.  
 II Anak-anak akan terbiar apabila ibu dan bapanya bercerai-berai.  
 III Pengemis di tepi jalan itu meminta-meminta sedikit rnakanan kerana kelaparan.  
 IV Sulong membelek-belek akhbar hari ini untuk rnencari berita rnengenai sekolahnya.

- A I dan III sahaja
- B II dan IV sahaja
- C I dan II sahaja
- D III dan IV sahaja

Soalan 39 dan 40

Pilih aya.t yang menggunakan tanda baca dengan betul.

- 39 A Di padang permainan itu ada yang bermain buaian , anak-anak kecil berkejar-kejaran , ibu bapa pula hanya memerhati pergerakan mereka.  
 B Di padang permainan itu , ada yang bermain buaian , anak-anak kecil berkejar-kejaran . Ibu bapa pula hanya memerhati pergerakan mereka.  
 C Di padang permainan itu ada yang bermain buaian , anak-anak kecil berkejar-kejaran. Ibu bapa pula hanya memerhati pergerakan mereka.  
 D Di padang permainan itu ada yang bermain buaian anak-anak kecil berkejar-kejaran. Ibu bapa pula hanya memerhati pergerakan mereka.

- 40 A Sajak, "Mama tercinta" karya Zaihasra terdapat dalam Antologi Bunga Gerimis.  
 B Sajak, "Mama Tercinta" karya Zaihasra terdapat dalam antologi Bunga Gerimis.  
 C Sajak "Mama Tercinta" karya Zaihasra terdapat dalam Antologi Bunga Gerimis.  
 D Sajak Mama tercinta karya zaihasra terdapat dalam Antologi Bunga Gerimis.

Soalan 41 dan 42

Pilih ayat sama maksud dengan ayat yang bergaris.

- 41 Cuti sekolah baru saja bermula . Saya dan keluarga merancang untuk menghabiskan masa cuti di Pulau Langkawi.

- A Pada masa cuti sekolah yang baru sahaja bermula ayah dan keluarga merancang untuk menghabiskan cuti di Pulau Langkawi.
- B Semasa cuti sekolah baru-baru ini keluarga saya akan berehat di Pulau Langkawi
- C Pulau Langkawi adalah destinasi saya dan keluarga semasa cuti sekolah nanti.
- D Saya dan keluarga akan menghabiskan semasa cuti sekolah yang baru bermula di Pulau Langkawi.

42 Tolong-menolong adalah kerja yang tidak asing lagi bagi penduduk kampung di negara ini.

- A Penduduk negara ini sentiasa tolong-menolong di antara satu sama lain.
- B Penduduk kampung di negara ini sentiasa mengamalkan sikap tolong-menolong.
- C Kerja yang tidak asing bagi penduduk kampung di negara ini ialah tolong-menolong.
- D Tolong-menolong adalah kerja asing bagi penduduk kampung

Soalan 43 hingga Soalan 46

Pilih ayat yang menggunakan kata banyak makna dengan betul.

- I Fathin terasa asing tinggai di rumah yang besar itu.
- II Kebanyakan pelancong asing yang datang ke Malaysia memuji keunikan pemandangan di negara ini.
- III Zulkifli yang berbadan asing itu memang terkenal di kalangan kawan-kawannya.
- IV Emak amat berminat dengan laut sayur asing.
- A I dan IV sahaja
- B II dan III sahaja
- C I dan II sahaja
- D III dan IV sahaja

- 44 I Pertapa itu sedang mengamalkan ilmu batin untuk mengubati pesakitnya
- II Kamala memakai kain batin yang amat cantik coraknya
- III Kata-katanya yang kasar itu amat menyakiti batinnya.
- IV Apa yang dilakukan oleh seseorang itu tidak melambangkan batinnya.
- A I dan III sahaja
- B II, III dan IV sahaja
- C III dan IV sahaja
- D I, III dan IV sahaja

- 45 I Neneknya yang uzur itu masih hidup lagi.
- II Hidup di kampung penuh dengan kedamaian.
- III Namanya tetap hidup dalam ingatan saya.
- IV Pokok yang tidak diisiram itu masih lagi hidup.
- A I dan II sahaja
- B II dan III sahaja
- C II, III dan IV sahaja
- D Semua di atas

- 46 I Kesedihan yang berlarutan menghilangkan seri di wajahnya.
- II Pasukan Daerah Dungun seri dengan pasukan Daerah Kuala Terengganu.
- III Seri Paduka Baginda sedang bersemayam di Istana Negara.
- IV Semenjak kedatangan Guru Besar yang baru Sekolah Kebangsaan Darau bertambah seri.
- A I dan III sahaja
- B II, III dan IV sahaja
- C I, II dan IV sahaja
- D Semua di atas

Soalan 47 hingga Soalan 50 . Pilih ayat yang betul susunan strukturnya

- 47    A       Mereka berdua bercakap suara yang rendah agar terkedengaran orang lain.  
      B       Mereka berdua bercakap dengan suara yang rendah agar kedengaran orang lain.  
      C       Mereka berdua bercakap dengan suara yang rendah agar tidak kedengaran oleh orang lain.  
      D       Mereka berdua bercakap dengan rendah suara agar tidak terdengar orang lain.
- 48    A       Harga barang keperluan biasa naik pada musim perayaan.  
      B       Harga barang keperluan akan naik apabila musim perayaan menjelang.  
      C       Harga barang keperluan biasanya naik apabila tiba musim perayaan.  
      D       Harga barang sangat perlu apabila tiba musim perayaan.
- 49    A       Berbagai jenis alat dicipta pada zaman sains dan teknologi ini.  
      B       Berbagai-bagai jenis alat dicipta pada zaman sains dan teknologi ini.  
      C       Berbagai-bagai jenis alat dicipta daripada zaman sains dan teknologi ini.  
      D       Berbagai jenis alat dicipta daripada zaman sains dan teknologi ini.
- 50    A       Dia balik ke kampung untuk berziarah bapanya yang sedang tenat.  
      B       Dia balik kampung untuk menziarah bapa yang sedang sakit tenat.  
      C       Dia balik ke kampung untuk menziarahi bapanya yang sedang sakit tenat.  
      D       Dia balik kampung untuk menziarahi bapanya yang sedang sakit tenat.